

ESTETIKA KEROHANIAN
DALAM SENI KATA LAGU
S. AMIN SHAHAB

HAIRUL ANUAR BIN HARUN

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesepaduan dan perkaitan antara unsur estetika dengan kerohanian dalam seni kata lagu karya S. Amin Shahab. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan teks dengan pengumpulan data berdasarkan temu bual responden utama dan kajian kepustakaan. Sebanyak 35 buah seni kata lagu menjadi sumber data berdasarkan dua kriteria utama, iaitu lagu yang popular dan malar segar serta seni katanya menepati tema kerohanian. Kerangka konsep *Estetika Bersepadu* yang dikemukakan oleh Abdul Halim Ali diaplikasikan sebagai reka bentuk kajian, apabila ia mengaitkan kesepaduan stail (estetika bahasa) dan pemikiran dengan keputusan agama. Data yang dianalisis dibincang secara deskriptif, dengan berpandukan aspek gaya bahasa oleh Tarigan dan gaya kata oleh Ali Imron. Penyepaduan unsur estetika gaya bahasa dan gaya kata (pemilihan diksi) ini dihubungkan dengan pemikiran S. Amin Shahab dan perkaitannya dengan unsur kerohanian. Hasil kajian mendapati sebanyak 10 jenis gaya bahasa dan enam kelompok kata ditemui. Gaya bahasa perbandingan dan gaya kata pentauhidan, mendominasi sumber data yang dianalisis. Kesepaduan estetika dengan kerohanian, terbukti wujud dan begitu signifikan dengan sastera sufistik serta kaya dengan maksud tersirat dan tersurat mahupun dari aspek tekstual dan kontekstual, serta penuh fikrah, berhikmah, indah, dan bermakna. Penyelidikan ini telah membuktikan bahawa seni kata lagu merupakan sebuah karya sastera yang komprehensif malah sewajarnya ia diangkat serta diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera.





SPIRITUAL AESTHETICS IN S. AMIN SHAHAB'S SONG LYRICS

ABSTRACT

This research aims to identify the integration and relationship between aesthetics and spiritual elements in the lyrics written by S. Amin Shahab. This research uses the qualitative method through text content analysis approach with data collected via interviews and intensive library reference. There are 35 lyrics altogether taken as data for this purpose, based on two main criteria, popular and evergreen songs, and lyrics with spiritual contents. The framework of the *Integrated Aesthetic* (Estetika Bersepadu) which has been proposed by Abdul Halim Ali is applied as the framework of this research, where it connects integration of styles (aesthetics of language) together with religious elements. Data is analyzed and descriptively discussed according to the Tarigan language style and Ali Imron's choice of diction. Integration of aesthetics style and the style of words (diction selection) is connected with the thought of S. Amin Shahab and its relationship with spirituality. It was found that as many as 10 types of language style and six groups of words are involved. The 'stylistic comparisons' and the 'oneness of God concept', dominate the analyzed data source. Aesthetic and spiritual integrity was proven to exist and so significant with Sufi literature. It is also rich and meaningful with explicit or implicit, with express or implied terms of the textual and contextual, as well as thoughtful, wisdom, beauty, and meaningful. The research has proven that lyrics is a comprehensive literary work and deserved to be recognized as one of the important branches of literature.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii



BAB 1	PENGENALAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	7
1.3	Permasalahan Kajian	15
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Soalan Kajian	22
1.6	Kepentingan Kajian	22
1.7	Skop Kajian	23
1.7.1	Latar Belakang S. Amin Shahab	32
1.7.2	Anugerah Yang Telah Dimenangi S. Amin Shahab	34
1.8	Definisi Konsep dan Istilah	34
1.8.1	Estetika	34



1.8.2	Kerohanian	38
1.8.3	Seni Kata Lagu	40
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	44
2.1	Pengenalan	44
2.2	Tinjauan Kajian Luar Negara	45
2.2.1	Kajian Mengenai Estetika, Estetika Islam, dan Sufisme	45
2.2.2	Kajian Mengenai Stilistika, Gaya Bahasa, dan Gaya Kata	47
2.2.3	Kajian Mengenai Seni Kata Lagu	49
2.3	Tinjauan Kajian Dalam Negara	53
2.3.1	Kajian Mengenai Sastera dan Estetika Islam, dan Sufisme	53
2.3.2	Kajian Mengenai Stilistika, Gaya Bahasa, dan Gaya Kata	62
2.3.3	Kajian Mengenai Seni Kata Lagu	73
2.4	Kesimpulan	83
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	85
3.1	Pengenalan	85
3.2	Kaedah dan Reka Bentuk Kajian	86
3.3	Sumber Data	93
3.3.1	Kriteria Sumber Data: Popular & Malar Segar	95
3.3.2	Kriteria Sumber Data: Menepati Tema Kerohanian	99
3.3.3	Senarai Lengkap Sumber Data	103
3.3.4	Kaedah Pengumpulan Data	105
3.3.5	Responden Utama	109



3.4	Pengekodaan Sumber Data	113
3.5	Analisis Data	114
3.6	Kerangka Konsep <i>Estetika Bersepadu</i>	123
3.7	Analisis Estetika Pengkaedahan Stilistik	134
3.8	Analisis Estetika Unsur Gaya Bahasa	136
3.8.1	Antara Jenis Gaya Bahasa	143
3.9	Analisis Estetika Unsur Gaya Kata (Pemilihan Diksi)	158
3.9.1	Antara Kelompok Gaya Kata	162
3.10	Kesimpulan	168

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN 169

4.1	Pengenalan	169
4.2	Kesepaduan Estetika Dengan Kerohanian	170
4.3	Dapatan Dari Analisis Data Gaya Bahasa	170
4.3.1	Penyepaduan Gaya Bahasa Metafora dan Pemikiran dengan Kerohanian	174
4.3.2	Penyepaduan Gaya Bahasa Personifikasi dan Pemikiran dengan Kerohanian	192
4.3.3	Penyepaduan Gaya Bahasa Antitesis dan Pemikiran dengan Kerohanian	200
4.3.4	Penyepaduan Gaya Bahasa Paradoks dan Pemikiran dengan Kerohanian	220
4.3.5	Penyepaduan Gaya Bahasa Hiperbola dan Pemikiran dengan Kerohanian	229
4.3.6	Penyepaduan Gaya Bahasa Apofasis dan Pemikiran dengan Kerohanian	242
4.3.7	Penyepaduan Gaya Bahasa Metonimi dan Pemikiran dengan Kerohanian	251





4.3.8	Penyepaduan Gaya Bahasa Paralelisme dan Pemikiran dengan Kerohanian	259
4.3.9	Penyepaduan Gaya Bahasa Anafora dan Pemikiran dengan Kerohanian	270
4.3.10	Penyepaduan Gaya Bahasa Epanalepsis dan Pemikiran dengan Kerohanian	282
4.4	Rumusan Penyepaduan Estetika Gaya Bahasa dan Pemikiran dengan Kerohanian	288
4.5	Dapatan Dari Analisis Data Gaya Kata	292
4.5.1	Penyepaduan Gaya Kata Kembara dan Pemikiran dengan Kerohanian	296
4.5.2	Penyepaduan Gaya Kata Insaf dan Pemikiran dengan Kerohanian	298
4.5.3	Penyepaduan Gaya Kata Mistik dan Pemikiran dengan Kerohanian	300
4.5.4	Penyepaduan Gaya Kata Musuh dan Pemikiran dengan Kerohanian	303
4.5.5	Penyepaduan Gaya Kata Rindu dan Pemikiran dengan Kerohanian	305
4.5.6	Penyepaduan Gaya Kata Tauhid dan Pemikiran dengan Kerohanian	307
4.5.7	Penyepaduan Gaya Kata Kembara, Insaf dengan Gaya Kata Mistik, Musuh, dan Pemikiran dengan Kerohanian	309
4.5.8	Penyepaduan Gaya Kata Kembara, Insaf dengan Gaya Kata Rindu, Tauhid, dan Pemikiran dengan Kerohanian	312
4.5.9	Penyepaduan Gaya Kata Mistik, Musuh dengan Gaya Kata Rindu, Tauhid, dan Pemikiran dengan Kerohanian	314
4.5.10	Penyepaduan Gaya Kata Kembara, Insaf, Mistik, Musuh, Rindu, Tauhid, dan Pemikiran dengan Kerohanian	317





4.6	Rumusan Penyepaduan Estetika Gaya Kata dan Pemikiran dengan Kerohanian	322
4.7	Kesimpulan	325
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	326
5.1	Pengenalan	326
5.2	Pencapaian Objektif Kajian	326
5.3	Dapatan Kajian	328
5.3.1	Perkaitan Penggunaan Gaya Bahasa dan Gaya Kata dengan Pemikiran dan Kerohanian	328
5.3.2	Signifikasi Kerangka Konsep <i>Estetika Bersepadu</i> dengan Dapatan Kajian	330
5.4	Cadangan	333
	RUJUKAN	335
	LAMPIRAN	349



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Judul Seni Kata Lagu Kajian	27
3.1	Senarai Lengkap Sumber Data (Seni Kata Lagu Untuk Kajian)	104
3.2	Kod Akronim Sumber Data (Seni Kata Lagu Untuk Kajian)	113
3.3	Jadual Senarai Semak Analisis Data Gaya Bahasa	122
3.4	Jadual Senarai Semak Analisis Data Gaya Kata	122
3.5	Ciri 'Keadaman' & Ciri Teks Kesusasteraan	130
3.6	Pengklasifikasian Gaya Bahasa Mengikut Kelompok Kaedah Henry Guntur Tarigan	142
4.1	Senarai Semak Analisis Data Gaya Bahasa	171
4.2	Rumusan Dapatan Unsur Dalam Gaya Bahasa	289
4.3	Pecahan Gaya Kata : Mengikut Kelompok Kata, Kata Dasar dan Pemilihan Kata	292
4.4	Senarai Semak Analisis Data Gaya Kata	293



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kaedah Analisis Unsur Estetika	29
3.1 Reka Bentuk Kajian	92
3.2 Kriteria Dalam Penyaringan Sumber Data	95
3.3 Carta Tahun Penerbitan Lagu Yang Terpilih Sebagai Sumber Data	103
3.4 Ringkasan Sumber Data Primer dan Sekunder	108
3.5 Kredibiliti Penyelidikan Kualitatif	108
3.6 Ringkasan Proses Analisis Data Kualitatif	117
3.7 Carta Analisis Data	118
3.8 Analisis Data Gaya Bahasa	121
3.9 Analisis Data Gaya Kata (Pemilihan Diksi)	121
3.10 Kerangka Konsep <i>Estetika Bersepadu</i>	129
3.11 Perbandingan Kerangka Asas Teori Estetika Bersepadu dan Pengaplikasiannya Pada Penyelidikan Ini	134
4.1 Peratusan Penggunaan Gaya Bahasa Dalam Sumber Data	290
4.2 Rumusan Dapatan Unsur Dalam Gaya Kata	323
4.3 Peratusan Penggunaan Gaya Kata Dalam Sumber Data	323
5.1 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian	332

**SENARAI SINGKATAN**

ASLI	Asli
ASY	Asyik
BB	Bayangan Baiduri
CK	Cahaya Kekasih
CBS	Cinta Bawah Sedar
CTK	Cinta Tujuh Keramat
DKK	Dalam Kehadiran Kekasih
DKS	Dalam Kehadiran Sofiah
DBCM	Di Balik Cermin Mimpi
DBKK	Di Balik Keghaiban Kasihmu
DHMT	Di Hari Mindaku Terbuka
DPM	Di Pintu Mahligai
DS	Dialah Segala-galanya
GI	Geliga Insani
HSK	Hanya Setitik Kasih
KDC	Ke Dasar Cintamu
KPI	Ke Pangkal Impian
KEH	Kehendaknya
KADA	Kekasih Awal dan Akhir
KHI	Khilaf
KUR	Kurnia
LS	Laungan Suci
MB	Melintasi Batas
MKDHH	Menanti Kasih Di Hujung Hari
MUS	Musafir
NIR	Nirmala
PK	Pengabdianku Kekasih
PC	Pengertian Cinta
PR	Penghujung Rindu
SI	Sayap Ilusi
STP	Selamat Tinggal Penderitaan
SB	Seribu Bayangan
SHDL	Setitis Hujan Dalam Lautan
SDD	Suci Dalam Debu
UMDM	Umpama Mimpi Dalam Mimpi





BAB 1

PENDAHULUAN



Istilah estetika yakni keindahan dalam kesenian dan kesusasteraan, mula dipopularkan pada abad ke-18 oleh Alexander Baumgarten seorang ahli falsafah Jerman. Wadjiz Anwar (1980: 5) menyatakan bahawa estetika berasal dari perkataan Yunani iaitu '*aesthesis*' yang memberi erti perasaan atau sensitiviti. Menurut Mana Sikana (1996: 11), estetika ialah ilmu yang membahaskan tentang keindahan dan kesenian. Ini bertepatan dengan pandangan John Cohn (1869-1947), seorang ahli falsafah Jerman yang mendefinisikan estetika sebagai teori tentang keindahan dan seni, manakala Maz Dessoir yang hidup pada masa yang sama juga, beranggapan bahawa lapangan estetika jauh lebih luas daripada bidang keindahan. Bidang penelitian falsafah estetika meliputi nilai-nilai keindahan dan seni, nilai-nilai retorika, suasana hati, dan lain-lain yang ada hubungan dengan nilai-nilai kecantikan.





Estetika merupakan ciri utama yang membezakan antara sesebuah hasil penulisan sama ada sebuah karya sastera atau tidak. Tanpa ciri estetik, maka ia bukanlah sebuah karya kreatif. Estetika terumus dalam karya sastera hasil dari citra indah hati nurani terhadap alam dan hakikat cipta yang ditumpah ke dalam bahasa yang bersifat estetik (Shafie Abu Bakar, 2004: 73). Mana Sikana (2013: 129-130) menjelaskan, estetika ialah pecahan daripada epistemologi falsafah. Menurut pandangan falsafah, estetika ialah unsur halus yang tersurat dan tersirat dalam teks, mendatangkan keseronokan sewaktu menikmatinya melalui bacaan, dengar, dan tontonan. Tegasnya falsafah estetika dalam sastera mewacanakan nilai keindahan, nilai retorik, nilai naratif, dan nilai kepengarangan. Dengan kata-kata lain estetika mempunyai tanggungjawab terhadap khalayak tidak hanya semata-mata demi keindahan, juga kontekstual dengan masyarakatnya.



Diperkenalkan oleh ahli falsafah barat terdahulu, estetika dilihat pada awalnya hanya berlegar pada pemikiran luaran yang tidak menjurus kepada peradaban kerohanian dan ketuhanan. Namun begitu, di dalam tradisi Islam, pemikiran estetika bermula sejak abad ke-9 dan ke-10 lagi. Bertitik tolak dari karya Aristotle iaitu *Poetics*, para pemikir Islam mula membahas dan memberi kritikan terhadap karya agung tersebut hinggalah munculnya teori estetika Islam yang tersendiri. Pada peringkat awalnya para pemikir Muslim ini juga terpengaruh dengan falsafah Yunani klasik, kerana mengaitkan konsep estetika itu dengan retorika, logika, metafizika, dan juga psikologi. Pemikiran ini didorong oleh perkembangan sastera Arab sendiri yang memberi perhatian lebih kepada puisi dan kecenderungan mereka kepada seni muzik. Sehingga muncul ahli falsafah seni Islam yang merumuskan keindahan dalam sesuatu





karya seni itu berkait rapat dengan wahyu Allah dan rasa kecintaan mendalam pada hakikat kebenaran yang Esa.

Seterusnya karya itu wajar memberi cerminan yang baik kepada manusia serta mampu memberi nilai tambah pada rasa keinsanan dan hubungan mereka dengan Allah SWT. Shafie Abu Bakar (2004: 83) berpendapat, sastera Islam adalah sastera yang fungsional. Meskipun Islam menghargai keindahan dan estetika dalam hubungannya dengan sastera, tetapi ia hendaklah dikaitkan dengan kepentingan yang dapat membina keinsanan. Dalam kajian Annemarie Schimmel (2001: 17), penyair sufi terhebat Jalaluddin Rumi, percaya bahawa *al-majaz qantaratu al-haqiqat* yang membawa maksud ‘metafora merupakan jambatan menuju hakikat’ dan falsafah sufi juga sering melagukan *wa fi kulli syai’in lahu syahidun/yadulla ‘ala annahu wahidun* yang bererti ‘di dalam segala sesuatu terdapat satu tanda/satu bukti, yang menegaskan Dia adalah Satu’.

Abdul Hadi W.M. (2010) menjelaskan, dalam tradisi sufi, estetika Islam lebih jauh dikaitkan dengan ilmu tentang sesuatu yang ghaib (maakulat atau juga disebut metafizik) dan ia haruslah menuju ke puncak kerohanian yang ditempuhi mereka di jalan ilmu tasawuf (usaha mengenal Allah dan mendekatkan diri pada-Nya). Estetika selalu membicarakan hakikat dan fungsi seni, pengaruhnya terhadap psikologi dan kehidupan kerohanian manusia, penggunaan karya seni dalam kesedaran agama dan solidariti sosial, serta cara-cara memahami dan menafsir sesebuah karya seni itu sendiri. Selain itu, para sufi juga berpendapat bahawa semua karya yang baik mestilah dapat dirujuk kepada ayat-ayat al-Quran. Karya seni yang dilahirkan dalam konsep Islam sebenarnya merupakan tafsir spiritual terhadap ayat-ayat al-Quran yang





ditransformasikan ke dalam bahasa figuratif, termasuk puisi, muzik, tari, seni rupa, dan sebagainya.

Dalam tradisi Islam pula, seni yang berdimensi estetika Islam dapat dilihat dari dua jenis, iaitu keindahan batin (*jamal*) bersifat universal dan memperkaya rohani, kerana di dalamnya terdapat hikmah dan jalan menuju Tauhid. Sedangkan keindahan zahir (*husn*) tidak lebih hanyalah bersifat memukau (*sihr*). Orang yang tidak begitu berpengetahuan untuk memiliki penglihatan batin seringkali terpedaya dengan keindahan di depan mata, tetapi orang arif mampu menembusi keindahan zahir sehingga dapat melihat yang hakiki. Maka dapatlah disimpulkan bahawa pengkarya yang melakukan kerja kreatif dalam kesenian Islam, harus berhadapan dan dituntut semaksimum mungkin untuk dapat menyatukan dimensi estetika (keindahan),



etika (nilai) dan agama (kebenaran). Dengan kata lain, konsep dan gagasan pendidikan seni dalam dimensi estetika Islam adalah bersifat integral dan holistik (lengkap dan bersepadu).

Menurut Abdul Hadi W.M. (2010), di antara puncak kebahagiaan yang dapat diperoleh dari karya seni dan intelektual yang tinggi, ialah kebahagiaan yang dapat membawa kita mengenal Tuhan dengan *haqq al-yaqin*, dan mengenal hakikat diri kita sebagai makhluk kerohanian, yang tidak tergugat oleh godaan material. Justeru itu, tidak menghairankan apabila tema-tema yang berkenaan kerinduan dan cinta mistikal (*'ishq*), begitu juga tema yang berkenaan makrifat dan pengenalan diri hakiki, sangat digemari oleh para penulis sufi dalam hujah karya mereka. Bagi sufi dan penulis Muslim yang berkarya dalam wawasan estetik seperti itu, puisi tidak lain adalah penamsilan atau pemisalan, iaitu pengungkapan secara simbolik gagasan-gagasan dan





pengalaman-pengalaman kerohanian yang diperoleh setelah menempuh ilmu suluk. Mohd Sulaiman Haji Yasin (1991: 3) pula menyatakan, mengenal Allah atau *Ma'rifatu'llah* adalah asas bagi segala makrifat. Ini hakikat ilmu yang yakin dan hakiki, yang menjadi asas segala ilmu manusia yang hakiki.

Imam Al-Ghazali (2015: 61) mengibaratkan, hati manusia diciptakan oleh Yang Maha Kuasa umpama sebuah batu api. Ia menyimpan api tersembunyi yang dinyalakan oleh muzik dan keindahan, malah turun menyambar yang lain di sekitarnya, selain dirinya, dengan ketakjuban. Keharmonian ini adalah gema keindahan dunia tingkat tinggi, yang disebut dunia roh. Ia mengingatkan manusia akan hubungannya dengan dunia tersebut, dan membangkitkan emosi yang begitu mendalam dan asing pada dirinya, sehingga dia sendiri tidak berdaya untuk menerangkannya. Pengaruh muzik dan tarian amat dalam, menyalakan cinta yang telah tidur di dalam hati, cinta yang bersifat keduniaan dan inderawi, ataupun yang bersifat ketuhanan dan rohaniah.

Zubir Ali (1988: 45) merumuskan, sebagaimana genre seni yang lain, muzik itu adalah media pernyataan hati nurani manusia. Disebabkan ia adalah media pernyataan hati nurani manusia maka ia bertujuan untuk mengembangkan kebijaksanaan dan hikmah yang merupakan hasil akal dan intelektual manusia itu sendiri. Kata Hamka “muzik adalah makanan jiwa”. Jalaluddin Ar Rumi, penyair dan ahli sufi Parsi menjadikan muzik dan tarian sebagai asas menghayati ajaran Tarekat yang dipeloporinya. Manakala, Mana Sikana (1996: 148) pula berpendapat, seni muzik adalah cabang kebudayaan yang sama penting dengan seni sastera. Muzik juga dapat meninggikan daya pemikiran sesuatu bangsa serta merubah sikap hidup ke arah





pencapaian peradaban yang bererti. Ahli-ahli psikologi menyifatkan muzik bukan sahaja alat penghibur tetapi juga sebagai agensi pembelajaran yang mempunyai kuasa tersendiri. Muzik dikatakan sangat rapat hubungannya dengan jiwa. Ia adalah permainan perasaan yang diwujudkan oleh bunyi-bunyi yang terhasil daripada suatu alat atau gabungan beberapa alat yang melahirkan nada, irama, dan lagu.

Ramli Sarip (2006: 26) berpendapat, muzik khususnya lirik lagu mempunyai peranan dalam kehidupan dan memberi sumbangan ke arah pembangunan kemanusiaan. Ab. Razak Ab. Karim (2009: 10) pula menjelaskan, lagu bukan sahaja salah satu wadah hiburan, malah lagu juga adalah untuk menyatakan fikiran dan perasaan. Lagu yang didendangkan dengan pelbagai rentak yang dilengkapi lirik, berupaya meninggalkan kesan rasa yang pelbagai terhadap seseorang pendengar, sama ada gembira, duka, semangat, sedar, insaf, dan sebagainya. Manakala Ahmad

Ramli (2007: 23-24) menegaskan, keunggulan sesebuah lagu terletak pada liriknya yang dapat menjadikan manusia lebih baik dan melodinya dapat mendamaikan serta menghaluskan jiwa manusia.

Demi mencari nilai dan makna kesepaduan unsur estetika yang berlandaskan Islam, dengan unsur perutusan dan ketuhanan, atau lebih khusus lagi dengan unsur kerohanian, sebuah genre karya sastera telah dipilih dan ia adalah seni kata lagu yang dihasilkan oleh penulis lirik terkenal tanah air, Syed Mohd Amin bin Syed Hashim atau lebih dikenali dengan nama S. Amin Shahab. Karya sastera adalah karya seni dengar. Ia tergabung bersama-sama dengan karya seni dengar yang lain. Misalnya lagu dalam seni muzik. Yang dapat didengar pada sesuatu lagu ialah suatu susunan nada lagu. Yang dapat didengar pada sesuatu karya sastera ialah suatu susunan bunyi





bahasa (Lutfi Abas, 2000: 22). Pemilihan seni kata lagu ini dipilih kerana ia juga melibatkan unsur muzik yang menjadi kecenderungan para ahli sufi mengekspresikan karya mereka sejak dari zaman permulaan perkembangan sastera Islam itu sendiri. Seni kata lagu juga boleh dianggap sebagai sastera tulisan dan sastera 'lisan' kerana ia melibatkan juga pengucapan, hafalan, sebaran, nyanyian, dan hiburan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Estetik dalam dunia sastera dapat diujah dan dibuktikan menjadi teras kepada penciptaan karya sastera. Dalam beberapa teori sastera Barat, seperti formalisme, struktur, dan pasca strukturalisme menunjukkan estetika menunjang aspek bahasanya.

Dalam teori tempatan seperti *Puitika Sastera Melayu* mempunyai wacana estetik bahasanya, yang selari dengan budaya dan falsafah Melayu. Begitu juga Islam mempunyai konsep dan prinsip keindahannya yang tersendiri, yang disumbangkan daripada al-Quran dan al-Hadis, yang dapat dilihat dalam konteks bahasa dan penstrukturannya (Mana Sikana, 2009: 11-28).

Menurut Aminudin Mansor (2011: 8), fungsi estetik dalam pengertian yang dimaksudkan adalah menyorot karya sastera dari segi maknanya kepada kehidupan manusia yang beradab. Makna itu dilihat dari dua sudut: makna dari segi struktur, yang mencirikan keindahan sesebuah karya dan makna dari segi perutusan (isi, falsafah, mesej, moral, dan sebagainya) yang mencirikan kebenaran yang sempurna. Sesungguhnya keindahan sesebuah karya sastera itu baik prosa ataupun puisi banyak bergantung kepada keseimbangan bentuk luaran dan dalaman. Kesepaduan dan





keseimbangan kedua-dua bentuk ini akan melahirkan karya yang mempunyai nilai estetik yang tinggi. Manakala Mohd Affandi Hassan (1992: 32) berpendapat melalui pendidikan estetika kita dapat mengenal karya-karya yang sebenarnya baik, bermutu, mengandungi fikiran yang dalam dan benar, karya yang **indah dan bermakna**. Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid dengan itu dapat mengembalikan manusia menjadi insan yang kenal dan sesuai dengan fitrahnya.

Dalam hubungannya dengan spiritual Islam, hakikat seni yang berpaksikan estetika Islam menurut Sayyed Hossein Nasr (1993: 18), bagaikan dua mata air yang bersumber dari al-Quran dan barakah Nabi. Suatu karya seni dapat dikategorikan sebagai seni Islam bukan hanya kerana diciptakan oleh seseorang Muslim, tetapi juga kerana dilandaskan oleh wahyu Ilahi. Seni Islam menyerapkan batin wahyu Islam dan membawa manusia masuk ke ruang batin wahyu Ilahi. Jika dilihat daripada sumber asal kejadiannya, seni Islam diibaratkan sebagai buah daripada spiritual Islam dan sebagai sokongan yang membantu dan melengkapi kehidupan spiritual penganutnya yang menguntungkan atau membawa penganutnya kembali kepada pencipta-Nya. Menurut Baharudin Ahmad (1992: viii), sebuah karya seni yang sempurna adalah pernyataan atau perencanaan kedua-duanya sekali, iaitu cernaan Hakikat Kebenaran atau Hakikat Keindahan. Dari satu sudut yang sempurna, bentuk adalah keindahan manakala makna adalah kebenaran dan hasil kedua-duanya ialah kesempurnaan.

Keindahan yang menjadi sifat Allah ini, menjadi paksi dan asasi kepada segala aspek estetika, baik yang terungkap mahupun yang tergambar dalam fikiran manusia, terlukis dan tercatat dalam karya mahupun yang tersembunyi. Unsur-unsur estetika itu sewajarnya menuju kepada kesempurnaan makna dan apresiasi keindahan yang hakiki





itu. Keindahan ini juga memancar dan membuahkan keindahan kepada aspek-aspek yang lain pula (Abdul Halim Ali, 2011b: 114-115). Hamidah Abdulhamid (1995: 28) pula berpendapat, estetik ialah satu bidang dalam falsafah yang melihat, menikmati, menganalisis, dan memperkatakan keindahan yang wujud pada alam dan karya seniman. Beliau seterusnya menerangkan bahawa Al-Ghazali akan merujuk kepada ‘jiwa’ dan ‘hati’ untuk melihat keindahan dalaman iaitu keindahan yang bersabit dengan nilai-nilai kerohanian, etika, dan keagamaan. Keindahan alam luaran atau alam syahadah dapat dipersepsikan oleh pancaindera yang lima dan dapat dialami oleh sesiapa sahaja manakala keindahan dalaman hanya dapat dipersepsikan oleh mata hati manusia sahaja. Mata hati manusia lebih tajam, lebih peka, dan lebih seni daripada pancaindera yang lima, maka itu dapatlah disimpulkan bahawa keindahan dalaman lebih tinggi darjatnya daripada keindahan alam syahadah.



Maka jika dilihat dari perspektif yang lebih luas, nyatalah sastera Islam itu secara dasarnya, berpaksikan pada nilai estetika serta unsur kerohanian dan ketuhanan, baik dari segi teks, pengkarya mahupun syiar Islam itu sendiri. Menurut Hashim Awang (1995: 36), di dalam kesusasteraan Islam bersemadi nilai-nilai keindahan dan kebaikan, atau nilai-nilai estetika dan moral. Kedua-dua nilai ini terpancar bukan pula dalam bentuknya yang bebas lepas dan kasar, melainkan dengan bersandarkan kepada pegangan yang benar dan kudus, iaitu kepercayaan kepada kewujudan Allah dan pengakuan kepada sifat-sifat kebesaran, kekuasaan, kekayaan, dan kesempurnaan-Nya. Di samping mempamerkan nilai-nilai estetika dan moral, kesusasteraan Islam juga dapat menyerlahkan sifat-sifat keagungan Allah itu sendiri.





Manusia memiliki akal dan hati rohani. Akal menuntut kepuasan secara rasional. Hasil daripada tujuan bagi memenuhi tuntutan akal inilah lahirnya ilmu-ilmu yang memajukan insan itu sendiri, manakala bagi memenuhi tuntutan hati rohani, berkembang pula daya kreativiti pada diri manusia dan lahirlah berbagai-bagai hasil seni – termasuklah sastera (Shafie Abu Bakar, 1995: 53). Rasa seni adalah salah satu unsur rasa rohaniah. Rasa rohaniah itu menurut Bigot (dalam bukunya *Leerboek der Psychologie*), terdiri atas enam unsur iaitu; rasa agama, rasa etika, rasa estetika, rasa intelek, rasa sosial, dan rasa diri sendiri. Kerana tiap manusia memiliki roh, maka ia memiliki pula rasa rohaniah (Sidi Gazalba, 1977: 20). Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998: 25), keindahan yang menduduki sfera fungsional yang tertinggi ialah keindahan yang berkait dengan konsep Ilahi (kekayaan Tuhan). Sfera ini dikatakan sfera kesempurnaan rohani atau sfera kamal yang bermatlamat untuk menyucikan kalbu rohani ataupun rohani manusia. Mond Sulaiman Haji Yasin (1991: 17) menyatakan, jasmani manusia merupakan kenderaan kepada rohani manusia untuk menjalani kehidupan di dunia ini sebagai ujian yang pasti dilalui oleh setiap manusia.

Setiap detik dalam kehidupan rohani seniman adalah unik. Pengalaman rohani seniman tidak dapat dibandingkan antara satu detik dengan detik lain. Apabila dikatakan bahawa seni itu pernyataan diri yang berjaya, maka dengan sendirinya tidak akan wujud peningkatan tahap dalam seni. Setiap detik kehidupan rohaniah seniman adalah satu dunia yang tersendiri dan setiap dunia ini adalah unik dan tidak boleh dibandingkan antara satu dengan yang lainnya (Hamidah Abdulhamid, 1995: 25). Menurut pandangan Braginsky V.I. (1994a: 9) keindahan rohani adalah keindahan fikiran, perasaan, dan tindakan terbuka untuk ‘sinar akal’. Menjadi teladan kepada generasi akan datang. Makna yang disusun secara kompleks yang mengandungi unsur





maknawi. Karya atau puisi yang baik akan mempengaruhi rohani manusia. Sebagai contoh doa adalah keindahan rohani, sejenis keindahan dalaman yang paling mulia.

Keakraban sasterawan Islam dengan falsafah kerohanian itu sangat dekat apatah lagi bila berbicara mengenai seni yang bersifat tauhidiah mahupun puisi-puisi sufi. Ismail Hamid (1992: 8-9) menghuraikan, puisi sufi adalah suatu bentuk sastera Islam yang menggambarkan tentang pengertian kebenaran kerohanian melalui cinta kepada Tuhan dan rasa rendah diri. Fahaman sufi ini mengamalkan ajaran yang menekankan aspek kerohanian. Dalam menyampaikan ajarannya ahli-ahli sufi sering memperkatakan tentang sesuatu itu dalam bentuk bahasa yang penuh simbolik dan kiasan. Media puisi adalah merupakan satu saluran yang sesuai bagi ahli-ahli Sufi untuk menyatakan segala perasaan hati nurani mereka. Ahli-ahli Sufi bukan saja pelopor kepada satu aliran kerohanian dalam sastera Islam tetapi mereka juga turut mencetuskan satu kebangkitan sastera Islam yang amat diminati. Pengalaman dan penghayatan estetik yang memainkan peranan dalam penggubahan puisi yang mencintai Tuhan itu telah melahirkan kata-kata yang indah untuk meluahkan perasaan mereka. Maka dengan itu terciptalah sastera Sufi.

Imam Al-Ghazali (2015: 64) dalam kitabnya *Kimia Kebahagiaan* memperkukuhkan lagi dengan tamsilan yang menyatakan, golongan sufi memanfaatkan muzik untuk membangkitkan cinta yang hebat kepada Allah dalam diri mereka, dan dengannya mereka seringkali mendapat penyaksian dan keghairahan rohani. Dalam keadaan ini hati mereka menjadi sebersih perak yang dibakar dalam tungku dan mencapai suatu tingkat kesucian yang tidak akan pernah dapat dicapai sebesar dan seberat apa pun cabaran luaran. Kesedaran kelompok sufi itu menjadi





tajam pada hubungannya dengan dunia rohani, sehingga mereka kehilangan segenap perhatiannya terhadap dunia ini dan kerap kali kehilangan kesedaran inderawinya.

Bagi mengaitkan unsur estetika dengan ketuhanan dan kerohanian ini, satu kerangka teori kesusasteraan perlu diangkat menjadi pedoman agar kajian ini dapat berada di atas landasannya yang benar dan konkrit. Banyak teori kesusasteraan Islam telah dicipta dan diperkenalkan serta ia juga telah banyak dipraktikkan malah tahan diuji. Di Malaysia, teori kesusasteraan Islam telah berkembang sejak dekad 80-an lagi. Abdul Halim Ali (2001: 12), menjelaskan Shahnnon Ahmad adalah tokoh pemula yang mencetuskan idealisme teoretikal kesusasteraan dengan mengemukakan konsep dan prinsip kesusasteraan Islam pada awal 1980-an. Seterusnya Muhammad Salleh (Puitika Sastera Melayu), Hashim Awang (Pengkaedahan Melayu), Mohd Affandi Hassan (Persuratan Melayu Baru), Shafie Abu Bakar (Takmilah), Salleh Yaapar (Hermeneutik Kerohanian), Mana Sikana (Teksdealisme), dan Sohaimi Abdul Aziz (Rasa Fenomenologi). Terkini, muncul pula Pendekatan Kata Kunci yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Malaya, Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Untuk kajian ini, kerangka konsep teori *Estetika Bersepadu* akan dijadikan landasan penyelidikan.

Mana Sikana (2013: 13) merumuskan, kerangka konsep teori *Estetika Bersepadu* yang diperkenalkan oleh Abdul Halim Ali, bersandarkan kepada konsep keindahan yang tercerna di sebalik keindahan gaya bahasa dan perutusan agama. Abdul Halim kembali kepada al-Quran sebagai teks asal yang memberikan gambaran dan sifat keindahan hakiki yang mencerminkan keindahan manifestasi dalam teks kesusasteraan. Berasaskan keterangan al-Quran, hadis, dan sejarah Islam, keindahan





dan kesempurnaan kejadian manusia berlaku menerusi proses penyepaduan pelbagai unsur jasmani dan rohani yang membezakan makhluk manusia dengan makhluk-makhluk yang lain. Manusia diberikan tugas sebagai khalifah, menyampaikan dan melaksanakan perintah Pencipta-Nya, yakni menyampaikan perutusan kebenaran (*haq*) kepada manusia yang lain. Abdul Halim percaya teks kesusasteraan mempunyai fungsi dan sifat yang hampir sama dengan manusia. Oleh itu, teks kesusasteraan juga adalah ‘teks keindahan’ yang lahir daripada proses penyepaduan pelbagai unsur bahasa, idea dan pemikiran, pengajaran, dan perutusan. Unsur-unsur yang bersepadu atau disepadukan dalam teks itulah yang paling asas diteliti dan diperhalusi bagi memahami makna keindahan di dalam teks.



Menurut Abdul Halim Ali (2012: 64), estetika teks kesusasteraan adalah kualiti keindahan yang terhasil daripada proses kesepaduan gaya bahasa, idea, pemikiran, dan perutusan yang menampakkan rupa bentuk stail keilmuan dalam pengkaryaan. Stail ini berkait pula dengan kebenaran agama dan kebenaran realiti kehidupan tempat di mana teks itu dizahirkan. Estetika dalam konsep *Estetika Bersepadu* bukan sekadar kualiti keindahan yang menyentuh rasa dan pengalaman, tetapi melewati daerah keimanan dan kebenaran di sisi agama. Ini pandangan baharu yang boleh diberi pertimbangan bagi memahami makna keindahan dalam amalan kritik terhadap teks kesusasteraan Melayu.

Mana Sikana (2013: 15) mengulas mengenai kerangka konsep teori *Estetika Bersepadu*, sebagaimana makhluk manusia terdiri daripada kesepaduan unsur rohani dan jasmani, teks kesusasteraan juga dibangunkan oleh pengarang dengan proses penyepaduan unsur rohani dan jasmani. Bahasa adalah unsur jasmani teks, manakala

